



KAMAR  
KETUA HAKIM NEGARA  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA

*debatablekkan oleh  
AA KHN 1/2004*

KHN 007

2 Januari 2003

Y A-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi  
**Seluruh Malaysia**

Semua Hakim Kanan/Hakim  
Mahkamah Sesyen  
**Seluruh Malaysia**

Semua Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
**Seluruh Malaysia**

Semua Majistret  
**Seluruh Malaysia**

Y.A.-Y.A. Datuk/Datuk Wira/Dato'/Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA BIL. 1/2003  
PENANGGUHAN KES**

Setelah berunding dengan Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan, Y.A.A. Hakim Besar Malaya dan Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak, saya dengan ini mengeluarkan arahan seperti berikut:

Arahan ini dikeluarkan sebagai garis panduan mengenai bagaimana mahkamah menggunakan budibicaranya dalam menimbang sesuatu permohonan untuk penangguhan kes.

1. **Perbicaraan Jenayah**

Di bawah seksyen 259(1) Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah mempunyai kuasa untuk menangguh mana-mana perbicaraan dengan sebab ketidakhadiran saksi atau apa-apa sebab lain yang munasabah. Walaupun seksyen ini memberi kuasa yang luas, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

- (i) Seseorang tertuduh/defendan itu adalah berhak diwakili oleh peguam yang dipilihnya.
- (ii) Penglibatan seorang peguam di dalam mahkamah yang lain atau di mahkamah yang lebih tinggi bukanlah alasan untuk membenarkan penangguhan.
- (iii) Peguam yang bercuti, menghadiri kursus atau seminar tanpa memberitahu mahkamah dalam masa yang munasabah, bukanlah alasan untuk membenarkan penangguhan.
- (iv) Permohonan penangguhan boleh diberi bagi peguam yang jatuh sakit atau di dalam rawatan dengan mengemukakan perakuan sakit di bawah Peraturan 24A, Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 (P.U.(A) ) 376, ( Borang 14 ) kepada mahkamah.
- (v) Penangguhan tidak akan dibenarkan bagi sesuatu kes yang telah banyak kali ditangguhkan atau kes itu telah lama didaftarkan.

Pertimbangan yang sama adalah terpakai bagi permohonan oleh Timbalan Pendakwa Raya atau Pegawai Pendakwa.

2. **Perbicaraan Sivil**

- (i) Di bawah Aturan 35 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa sedia ada untuk menengguhkan perbicaraan kes demi kepentingan keadilan kedua-dua pihak.
- (ii) Di bawah Aturan 28 Kaedah 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, Mahkamah Rendah mempunyai kuasa yang sama.

Garis panduan di perenggan 1(i) - (v) adalah terpakai bagi perbicaraan sivil di Mahkamah Tinggi dan Rendah.

3. **Penangguhan Oleh Mahkamah**

- (i) Seseorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Majistret tanpa sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan adalah dilarang menengguhkan kes-kes yang telah ditetapkan.
- (ii) Bagi mengelakkan kes-kes ditangguh, semua Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah merancang cuti rehat.
- (iii) Bagi mereka yang terpaksa mengambil cuti kecemasan, menghadiri kursus atau seminar, adalah disyorkan supaya persediaan hendaklah dibuat untuk mendapatkan pengganti lain mengambil alih pada tarikh berkenaan. Sekiranya tiada pengganti satu tarikh baru yang singkat hendaklah ditetapkan.

4. Penangguhan Keputusan

Apabila kes ditangguhkan untuk keputusan, tarikh keputusan itu hendaklah ditetapkan tidak lewat daripada empat (4) minggu dari tarikh kes tersebut ditangguhkan.

5. Pembatalan

Arahan Amalan No. 2/71, Surat Pekeliling Ketua Hakim Negara No. 1/81, Pekeliling Hakim Besar Malaya No. 1/88, Arahan Amalan No. 5/89, Arahan Amalan No. 2/92, Arahan Amalan Hakim Besar Malaya 1/95, Arahan Ketua Hakim Negara Bil. 1/95 dan Pekeliling Ketua Hakim Negara 47 bertarikh 10 April 2000 adalah dibatalkan.

6. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai **2 Januari 2003**.



(TUN MOHAMED DZAIDDIN BIN HAJI ABDULLAH)

s.k:-

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
Kuching  
Sarawak

Y.Bhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Putrajaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
Kuching  
Sarawak  
Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Bahagian Penyelidikan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Majlis Peguam Malaysia  
No. 5, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

Sabah Law Association  
3<sup>rd</sup> Floor, No. 120 Gaya Street  
WDT 414  
88904 Kota Kinabalu  
Sabah

Advocate Association Of Sarawak  
Bar Room  
C/o Judicial Department  
Jalan Gersik  
93050 Petra Jaya  
Kuching, Sarawak